

**Sijil Kelayakan Untuk Empat Calon Presiden Singapura  
Bernama  
Ogos 11, 2011**

SINGAPURA, 11 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Pemilihan Presiden hari ini mengeluarkan Sijil Kelayakan kepada empat calon yang bertanding untuk Pemilihan Presiden yang dijadual pada 27 ogos ini.

Jawatankuasa itu menerima enam permohonan tetapi memutuskan untuk mengeluarkan empat sijil berkenaan kepada Tan Kin Lian, Dr Tony Tan, Dr Tan Cheng Bock dan Tan Jee Say selepas membincangkan merit setiap permohonan.

Daripada enam permohonan itu, jawatankuasa tersebut berpuas hati dengan empat calon yang berintegriti, perangai dan reputasi yang baik, menurut satu kenyataan.

Jawatan presiden republik itu akan kosong selepas Presiden sekarang S. R. Nathan menamatkan tempoh penggal enam tahunnya pada 1 Sept.

Nathan memutuskan tidak akan bertanding untuk sepenggal lagi disebabkan faktor umur.

Beliau memulakan tempoh penggal presiden dari 1 Sept, 1999.

Dua lagi pemohon, Ooi Boon Ewe dan Andrew Kuan Yoke Loon gagal untuk melayakkan bagi Sijil Kelayakan.

Untuk layak sebagai seorang calon dalam Pemilihan Presiden, setiap calon memerlukan satu persijilan integriti, perangai dan reputasi baik daripada jawatankuasa itu mengikut Artikel 19(2)(e) perlembagaan berkenaan.

Mana-mana individu yang pernah memegang jawatan bagi tempoh tidak kurang dari tiga tahun dalam salah satu pelantikan yang disenaraikan dalam Artikel 19(2)(g)(i), 19(2)(g)(ii) dan 19(2)(g)(iii), tidak perlu persijilan mengikut Artikel 19(2)(g)(iv).

-- BERNAMA